

Perluas OSC di sekolah kekang gejala samseng

SEREMBAN 8 Mei - Polis akan memperluaskan pelaksanaan pusat hentian setempat (OSC) yang berfungsi seperti pondok polis mini di sekolah sebagai satu kaedah bagi mengekang gejala samseng dan kegiatan kongsi gelap dalam kalangan pelajar.

Timbalan Ketua Polis negeri, Senior Asisten Komisioner Muhammad Zaki Harun berkata, setakat ini OSC hanya dilaksanakan di Sekolah Menengah Kebangsaan Undang Jelebu sejak 31 Mac lalu dan berharap ia diperluaskan ke sekolah-sekolah lain dalam tempoh terdekat. "Ia merupakan tempat untuk pelajar menyalurkan maklumat berhubung kegiatan salah laku di

sekolah. Konsepnya seperti pondok polis mini.

"Pengawas, guru disiplin dan polis yang datang melawat akan menjadikannya sebagai pusat aduan," katanya ketika ditemui pemberita pada Majlis Serah Terima Tugas Ketua Jabatan Pengurusan Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Negeri Sembilan di sini.

Muhammad Zaki berkata, pihaknya telah mengadakan perbincangan dengan Jabatan Pendidikan negeri berhubung pelaksanaan OSC di sekolah-sekolah tertentu terutama di sekolah yang melibatkan banyak laporan pergaduhan.

Beliau percaya, melalui kaedah tersebut, maklumat dan

setiap perkara yang berlaku di sekolah dapat disalurkan segera.

Terdahulu pada majlis itu, Superintenden Mohd. Shukhairy Abd. Sabhe mengambil alih tugas sebagai Ketua Jabatan Pengurusan IPK Negeri Sembilan menggantikan Asisten Komisioner, Ab. Rahaman Arsad yang dilantik sebagai Ketua Jabatan Pengurusan IPK Kedah.

Mohd. Shukhairy sebelum ini bertugas sebagai Ketua Pegawai Turus Istiadat di Jabatan Pengurusan Bukit Aman berkelulusan Master Sains (Pembangunan Manusia) dari Universiti Putra Malaysia.

Majlis serah terima tugas itu disaksikan oleh Muhammad Zaki.